

# UMP, H2UC jalin kerjasama dalam bidang akademik

**KUANTAN 14 Okt.** - Universiti Malaysia Pahang (UMP) dan Hassan II University of Casablanca (H2UC) baru-baru ini memeterai memorandum persefahaman (MoU) dalam bidang penyelidikan, program pertukaran staf akademik dan pelajar, program dwijjazah serta perkongsian pintar yang dapat memberi manfaat bersama kepada kedua-dua belah pihak.

Dalam majlis di Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Islam (ISESCO) di Rabat, Maghribi itu, UMP diwakili Naib Canselornya, Prof. Datuk Seri Dr. Daing Nasir Ibrahim manakala H2UC oleh Presidennya, Idriss Mansouri.

Majlis turut disaksikan oleh Menteri Pendidikan, Dr. Mas-

zlee Malik dan Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Tinggi, Datin

Paduka Ir. Dr. Siti Hamisah Tapsir serta Pengarah Pejabat Antarabangsa universiti berkenaan, Dr. Nik Aloesnita Nik Mohd. Alwi.

Daing Nasir berkata, kerjasama tersebut perlu diadakan kerana H2UC memiliki Sekolah Kejuruteraan yang terkenal.

"Ini peluang keemasan untuk bekerjasama terutama dalam bidang kejuruteraan mekanikal dan pembuatan apabila UMP disenaraikan antara 300 universiti terbaik bagi Kedudukan Universiti Dunia Quacquarelli Symonds (QS) dalam bidang berkenaan.

"Bidang lain termasuk program sains, sumber semula jadi dan tenaga boleh diperbaharui,"

katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

H2UC mempunyai lebih 100,000 penuntut yang mana sebahagian daripada mereka mengikuti pembelajaran jarak jauh sama seperti yang dilaksanakan UMP Advanced Education melalui pembelajaran sepanjang hayat.

Daing Nasir berkata, satu lagi aspek yang berpotensi dalam kerjasama tersebut adalah dalam bidang perniagaan dan pengurusan kerana H2UC memiliki Sekolah Perdagangan dan Pengurusan terbaik.

"Kerjasama ini juga membuka peluang UMP untuk meneroka kerjasama dalam bidang kejuruteraan perniagaan seperti yang telah dijalankan dengan University of Reutlingen Jerman," katanya.



**DAING NASIR IBRAHIM** (duduk kiri) dan **Idriss Mansouri** (duduk kanan) menandatangani MoU sambil disaksikan **Maszlee Malik** (berdiri tengah) di **Islamic Educational, Scientific and Cultural Organization (ISESCO)**, Rabat, Maghribi, baru-baru ini.